

# Atlet Labuan dapat insentif

OLEH JAINUDIN DJIMIN

**LABUAN:** Empat atlet Labuan yang memenangi pingat di Temasya Sukan SEA KL 2017 menerima habuan berupa insentif wang tunai sumbangan daripada Yayasan Pembangunan Labuan (YPL) dan Majlis Sukan Labuan (MSL).

Majlis penyampaian insentif yang bernilai antara RM3,000 hingga RM10,000 itu telah disampaikan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Isli sempena Sambutan Hari Malaysia 2017 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang diadakan di Pentas Terbuka Dataran Labuan, pada Ahad.

Mereka yang menerima insentif itu ialah pemenang pingat emas acara boling padang, Nur Ain Nabila Tarmizi dan Siti Shazwana Ajak dalam acara pencak silat, masing-masing menerima hadiah wang tunai RM10,000 setiap seorang.

Manakala dua lagi atlet ialah pemenang pingat gangsa dalam acara ragbi wanita, masing-masing Christina Edris dan Siti Farhanita Maddin



menerima wang tunai RM3,000 setiap seorang.

Turut diberi insentif yang sama ialah jurulatih silat wanita kebangsaan, Hamidah Mulok yang telah membantu pesilat negara Siti Shazwana Ajak menyumbang pingat emas di Sukan SEA KL 2017.

Hamidah merupakan anak jati Labuan yang diberi kepercayaan untuk menggalas tugas sebagai jurulatih silat negara, menerima insentif bernilai RM10,000.

Rozman yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan, berkata insentif itu adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada atlet Labuan yang berjaya mengharumkan nama

INSENTIF...atlet dan jurulatih yang menerima insentif bersama Rozman (duduk tengah), Bashir (dua dari kanan), Azhar (dua dari kiri), Raisin (kanan sekali) dan Hazzan (kiri sekali).

Labuan dan negara di persada antarabangsa,

"Selain itu ia sebagai memberikan galakan dan pembakar semangat kepada atlet muda Labuan lain untuk lebih cemerlang dalam bidang sukan pada masa akan datang," katanya.

Turut sama menyaksikan majlis penyampaian insentif itu ialah Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Haji Bashir Haji Alias, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Azhar Ahinad, Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan, Azman Sipan, Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, Raisin Saidin dan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Hazzan Mohd Dahari.